PERTUBUHAN TULIR MALAYSIA

PLATFORM PEMERKASAAN BAHASA KEBANGSAAN

2020

# LAPORAN TAHUNAN PTM

# 1 PROGRAM IDENTIFIKASI SIMPTOM DISLEKSIA




Seramai 130 orang peserta yang terdiri daripada guru-guru bahasa Melayu Tahun 1 dan prasekolah dari sekolah SK, SJK(T) dan SJK(C) di negeri Selangor terlibat dalam Program Identifikasi Simptom Disleksia yang telah berlangsung pada 27 Ogos 2020 bertempat di Auditorium Rashdan Baba, UPM. Program ini memberikan pendedahan malahan membimbing para guru untuk mempelajari simptom asas pengenalpastian gejala disleksia dalam kalangan murid melalui buku panduan yang dihasilkan, iaitu Buku Panduan Asas dan Simptom Disleksia terbitan Penerbit UPM. Program ini dilaksanakan oleh Pertubuhan Tulir Malaysia dengan kerjasama Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM, Persatuan Disleksia Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor. Program ini ditaja oleh ADUN Seri Serdang, Dewan Negeri Selangor, Y.B. Dr. Siti Mariah Binti Mahmud.





# 2 PROGRAM PEMERKASAAN BAHASA KEBANGSAAN SJK(T) SELANGOR




Program ini bakal dilaksanakan oleh Pertubuhan Tulir Malaysia (PTM) dengan kerjasama Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM dan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor untuk 150 orang guru bukan opsyen yang mengajar Bahasa Melayu di SJK(T) Selangor. Program ini ditaja oleh EXCO Negeri Selangor, Y.B. Ganapathirau Program ini terpaksa ditangguhkan ke tahun 2021 disebabkan pandemik Covid-19.

# 3 PROGRAM REKONSTRUKSI KATA NAMA TERBITAN PPD BENTONG

Pertubuhan Tulir Malaysia (PTM) telah menganjurkan Program Rekonstruksi Kata Nama Terbitan yang telah diadakan di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Bentong pada 16 Januari 2020 (Khamis), pukul 9.00 pagi hingga 3.00 petang dengan kolaborasi Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM dan PPD Bentong. Program ini telah dihadiri oleh 38 orang guru yang mengajar Bahasa Melayu di sekolah rendah dan menengah daerah Bentong. Program telah dimulakan dengan ucapan perasmian oleh Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah (Pembelajaran) Bentong, Tuan Abdul Nasser bin Mohd Yatib. Program ini telah diadakan untuk memberikan pendedahan kepada guru tentang pengajaran dan pembelajaran kata nama terbitan dalam bentuk inovasi selaras dengan perkembangan anak minda murid berdasarkan pembelajaran abad ke-21 (PAK21) yang ditekankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).










# 4 PROGRAM REKONSTRUKSI KATA NAMA TERBITAN JPN PULAU PINANG

*Program Rekonstruksi Kata Nama Terbitan telah diadakan di Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Jalan Sungai, Pulau Pinang pada 10 Ogos 2020 (Isnin), pukul 9.00 pagi hingga 3.00 petang dengan kolaborasi* Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM *dan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang. Program yang telah dianjurkan oleh Pertubuhan Tulir Malaysia (PTM) ini telah dihadiri oleh 48 orang guru yang mengajar Bahasa Melayu di sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan daerah Timur Laut dan Barat Daya. Program telah dimulakan dengan ucapan perasmian oleh Penolong Pengarah Bahasa Melayu, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang, En Zulkafly bin Othman dan dihadiri oleh Timbalan Pengarah Pendidikan Sektor Pembelajaran, Puan Azizah binti Paijo. Program ini telah diadakan untuk memberikan pendedahan kepada guru tentang pengajaran dan pembelajaran kata nama terbitan dalam bentuk inovasi selaras dengan perkembangan anak minda murid berdasarkan pembelajaran abad ke-21 (PAK21) yang ditekankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).*









PROGRAM
REKONSTRUKSI KATA
NAMA TERBITAN

# 5 PROGRAM REKONSTRUKSI KATA NAMA TERBITAN PPD KOTA TINGGI

*Program Rekonstruksi Kata Nama Terbitan anjuran Pertubuhan Tulir Malaysia (PTM) telah diadakan di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kota Tinggi pada 17 Ogos 2020 (Isnin), pukul 9.00 pagi hingga 3.00 petang dengan kolaborasi PPD Kota Tinggi. Program ini telah dihadiri oleh 74 orang guru yang mengajar Bahasa Melayu di sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan daerah Kota Tinggi. Program telah dimulakan dengan ucapan perasmian oleh Penolong Pengarah Bahasa, Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri Johor, Tuan Hesam bin Mohd Kasron. Program ini telah diadakan untuk memberikan pendedahan kepada guru tentang pengajaran dan pembelajaran kata nama terbitan dalam bentuk inovasi selaras dengan perkembangan anak minda murid berdasarkan pembelajaran abad ke-21 (PAK21) yang ditekankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).*









MENGUNGGULI
PROGRAM
REKONSTRUKSI KATA
NAMA TERBITAN